

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
(SUNGAI SIPUT)**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) bangunkan semula Pelan Tindakan Masyarakat India yang telah dilancarkan pada tahun 2017.

**JAWAPAN**

Yang Di-Pertua,

1. Unit Khas Untuk Pembangunan Sosioekonomi Komuniti India (SEDIC), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah melancarkan ***Malaysian Indian Blueprint (MIB)*** pada Tahun 2017 yang bertujuan untuk membantu masyarakat India **menangani tiga (3) cabaran utama iaitu:**
  - a) **Ekonomi;**
  - b) **Pendidikan; dan**
  - c) **sosial.**
2. Pada Tahun 2018, SEDIC telah dijenamakan semula sebagai Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) dan seterusnya diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara bermula pada Mac 2020.
3. Kementerian Perpaduan Negara dan MITRA sedang memuktamadkan **Pelan Pembangunan Masyarakat India (PTMI)** sebagai **panduan pelaksanaan program pembangunan sosioekonomi masyarakat India di bawah tanggungjawab MITRA.**
4. PTMI dibangunkan berteraskan **lima (5) Tunjang** utama iaitu:
  - a) **Memperkasakan Keperluan Asas** - membasmi kemiskinan, perumahan dan kestabilan keluarga.
  - b) **Meningkatkan Kemenjadian Setiap Kanak-Kanak** - pendidikan awal kanak-kanak, pendidikan rendah SJKT, Sekolah Kebangsaan, pendidikan menengah, pendidikan tinggi dan golongan belia.
  - c) **Menaiktaraf Ekonomi & Keusahawanan** - kemahiran professional, keusahawan dan peningkatankekayaan.

- d) **Memperkasakan Keterangkuman Sosial** - dokumentasi & kewarganegaraan, isu keagamaan & kuil, sumbangan sosial kuil, dewan orang ramai, kakitangan awam, bebas jenayah dan memperbaiki persepsi; dan
- e) **Memperkasakan Wanita Ke Arah Kesaksamaan Gender** - meningkatkan akses, penyaluran maklumat, kesejahteraan wanita dan wanita terpinggir.

5. **Empat (4) modul utama PTMI** adalah:

- a) Modul Pelaksanaan;
- b) modul Pemantauan;
- c) modul Penilaian; dan
- d) modul Promosi.

6. **Bagi memastikan PTMI dapat dilaksanakan dengan tersusun dan mencapai objektifnya, dua (2) buah jawatankuasa akan ditubuhkan iaitu:**

- a) **Jawatankuasa Pemandu PTMI yang dipengerusikan oleh KSU Kementerian Perpaduan Negara;** dan
- b) **Jawatankuasa Kerja PTMI yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah MITRA.**

7. Usaha pembangunan sosioekonomi masyarakat India B40 oleh MITRA akan dilaksanakan secara bersepadu dan tersusun berdasarkan strategi yang digariskan di bawah PTMI.

8. Usaha ini akan digerakkan oleh Jawatankuasa Kerja PTMI di peringkat MITRA dan dipantau oleh Jawatankuasa Pemandu PTMI di peringkat Kementerian.